



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**PERATURAN 38 (b)**

**HANYA DIBUKAKAN BAGI PEMOHON DARIPADA KALANGAN  
PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT  
DI KEMENTERIAN / JABATAN DI MANA KEKOSONGAN  
JAWATAN DIKLANKAN SAHAJA**

**SARJAN WADAR (P.4)  
JABATAN PENJARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 23 OGOS 2023  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 06 SEPTEMBER 2023  
BILANGAN IKLAN: 2023/AUG/25**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Penjara.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**SARJAN WADAR  
JABATAN PENJARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
P.4 (\$880 - \$1,140 EB KHAS \$1,165 - \$1,265 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = TUJUH BELAS (17)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Telah berkhidmat di Jabatan Penjara sebagai Koperal Wadar dalam tangga gaji P.3 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus Peperiksaan Jabatan.
3. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab bagi kelicinan perjalanan dalam unit-unit di bahagian operasi di mana Pegawai tersebut ditugaskan;
2. Mengawas dan mengatur pegawai-pegawai bawahan dalam melaksanakan tugas-tugas harian;
3. Sebagai *Non Commanding Officer duty* secara bergilir-gilir mengikut giliran tugas yang ditetapkan;
4. Membantu pegawai-pegawai kanan dalam tugas-tugas yang tertentu;
5. Bertanggungjawab sebagai Ketua Pengiring (*Escort*) dalam memastikan pengawalan dan penjagaan yang selamat terhadap banduan / penghuni semasa di mahkamah, hospital dan lain-lain tempat; dan
6. Menjalankan tugas-tugas lain sepertimana yang diarahkan oleh Pengarah Penjara dan pegawai-pegawai atas yang dipertanggungjawab dari semasa ke semasa.